

SOALAN LAZIM
KEMPEN CLICK, PAY & EARN IS BACK!

1. **Soalan:**
Apakah **Kempen Click, Pay & Earn Is Back!**?

Jawapan:

Kempen Click, Pay & Earn Is Back! merupakan kempen kerjasama di antara PTPTN dengan beberapa rakan strategik iaitu AnsaraPay, PayHalal dan Shopee. Kempen ini bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan peminjam PTPTN dan pendeposit Simpan SSPN untuk membuat bayaran balik dan simpanan secara dalam talian.

2. **Soalan:**
Bilakah tempoh **Kempen Click, Pay & Earn Is Back!**?

Jawapan:

Tempoh kempen ini bermula adalah seperti yang berikut:

Saluran	Tempoh Kempen
AnsaraPay	11 November – 30 November 2021
ShopeePay	11 November – 31 Disember 2021
PayHalal	11 November – 11 Januari 2022

3. **Soalan:**
Siapakah yang layak untuk menyertai **Kempen Click, Pay & Earn Is Back!**?

Jawapan:

Terbuka kepada pengguna aplikasi AnsaraPay, PayHalal, dan Shopee yang membuat bayaran balik pinjaman PTPTN atau penambahan deposit Simpan SSPN dalam tempoh kempen, tertakluk kepada terma dan syarat penyertaan.

4. **Soalan:**
Apakah kelayakan untuk menyertai **Kempen Click, Pay & Earn Is Back!**?

Jawapan:

Kelayakan untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

Soalan Lazim Kempen Click, Pay & Earn Is Back!

Saluran	Tempoh Kempen	Kelayakan	Pemberian Ganjaran
AnsaraPay	11 November – 30 November 2021	Bayaran balik pinjaman atau simpanan minimum RM100 dalam satu (1) transaksi	<ul style="list-style-type: none"> • Cashback RM15 ke dalam akaun e-wallet pengguna dan RM10 baucar pembelian di https://kedaiansara.my x 200 pengguna terawal (<i>first come first serve basis</i>). • Akan dikreditkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh transaksi. • Pengguna yang layak hanya akan menerima cashback dan baucar sekali sahaja dalam tempoh kempen.
ShopeePay	11 November – 31 Disember 2021	Bayaran balik pinjaman atau simpanan minimum RM100 dalam satu (1) transaksi	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberian baucar diskaun untuk bayaran balik pinjaman atau Simpan SSPN sebanyak RM10 x 50 pengguna terawal setiap hari sepanjang tempoh kempen. • Pengguna yang layak hanya akan menerima baucar diskaun sekali sahaja dalam tempoh kempen. • Pengguna yang berjaya menerima baucar diskaun perlu membuat penebusan terlebih dahulu sebelum membuat pembayaran seterusnya untuk pinjaman PTPTN atau simpanan di dalam Simpan SSPN.
PayHalal	11 November – 11 Januari 2022	Bayaran balik pinjaman atau simpanan minimum RM100 dalam satu (1) transaksi	<ul style="list-style-type: none"> • Tunai RM5 x 100 pengguna terawal dalam setiap bulan sepanjang tempoh kempen. • Akan dikreditkan ke dalam akaun yang dibuat bayaran iaitu sama ada ke akaun pinjaman PTPTN atau Simpan SSPN dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh transaksi. • Pengguna yang layak hanya akan menerima ganjaran tunai sekali sahaja dalam tempoh kempen.

5. Soalan:

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan peminjam menyertai **Kempen Click, Pay & Earn Is Back!**?

Jawapan:

Tidak perlu, peminjam yang membuat bayaran balik melalui salah satu antara ketiga-tiga (3) saluran di dalam tempoh kempen telah melayakkan peminjam menyertai kempen ini.

6. Soalan:

Adakah pengguna aplikasi layak menerima ganjaran sekiranya bayaran balik atau penambahan deposit dibuat bagi setiap aplikasi?

Jawapan:

Pengguna layak untuk menerima ganjaran pemberian *cashback*/baucar pembelian/tunai yang akan dimasukkan ke dalam akaun yang dibayar sama ada ke akaun pinjaman PTPTN atau Simpan SSPN bagi pengguna aplikasi PayHalal, dan baucar diskaun.

7. Soalan:

Bagaimanakah pelanggan ingin mengetahui lebih lanjut mengenai **Kempen Click, Pay & Earn Is Back!**?

Jawapan:

Pelanggan boleh menyemak mengenai kempen di sosial media atau portal PTPTN (www.ptptn.gov.my), AnsaraPay (<https://ansarapay.my/>) PayHalal (<https://payhalal.my/>) dan Shopee (<https://shopee.com.my>)

Maklumat dikemaskini pada 08 November 2021